KERAJAAN MALAYSIA
PEJABAT DAERAH DAN TANAH GOMBAK

BAHAGIAN I – KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** dalam kod bidang **221502 (sewaan mesin dan peralatan pejabat)** untuk **Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penyalin Fotostat Di Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak**. Penyebut harga mestilah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas.

No./Tajuk sebut harga	Kod Bidang	No. Dokumen	Taklimat Sebut Harga	Tarikh Sebut Harga
Perkhidmatan Penyewaan Mesin Penyalin Fotostat Di Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	**221502 (sewaan mesin dan peralatan pejabat)**	**PDTG.KP.400-10/2/1 (S) NO. KOD: 2/2025**	**Tiada**	**Buka: 4 September 2025 Ditutup : 18 September 2025**

1.1 Dokumen sebut harga boleh diperolehi secara dalam talian melalui laman sesawang https://tender.selangor.gov.my dengan harga **RM10.00** dan bayaran dibuat secara dalam talian.

1.2 Dokumen sokongan hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di **Bahagian Khidmat Pengurusan, Pejabat Daerah dan Tanah Gombak, Tingkat 1 Bangunan Sultan Sulaiman, Persiaran Pegawai, Bandar Baru Selayang,68100 Batu Caves.**

1.3 Sebut harga yang lewat diterima tidak akan diterima/dilayan. Pejabat tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kelewatan yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada sebut harga yang dihantar secara talian.

1.4 Semua keterangan mengenai sebut harga ini atau butir-butir lengkap mengenai syarat-syarat dan penentuan perkhidmatan perlu dikemukakan bersama-sama dokumen.

1.5 Tawaran akan ditolak sekiranya gagal memenuhi mana-mana syarat dalam dokumen sebut harga.

1.6 Pihak Pejabat Daerah dan Tanah Gombak berhak menamatkan perkhidmatan yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya :

a) Tidak mematuhi jadual pengeluaran yang ditetapkan
b) Tidak memenuhi kriteria yang telah dipersetujui
c) Tidak membekalkan peralatan mengikut dalam spesifikasi

1.7 Semua pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai-pegawai berikut:-

a) Siti Anisah Binti Abdul Samad
Penolong Pegawai Tadbir (Aset)
Tel : 03-61261407
E-Mel : anisah@selangor.gov.my

b) Noridah Binti Mesrawi
Pembantu Tadbir (P/O)
Tel : 03-61261409
E-Mel : noridah.mesrawi@selangor.gov.my